



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-------------------|
| Newspaper | Mingguan Malaysia |
| Date | 3/7/2011 |

Muslihat burukkan kerajaan: Dr M

SEREMBAN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata muslihat perhimpunan haram dijadualkan 9 Julai ini bertujuan menggambarkan keburukan kerajaan, sekaligus memberi kelebihan kepada pembangkang.

Beliau berkata, semua tuntutan yang dibuat penganjur perhimpunan itu, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) seolah-olah menggambarkan kerajaan tidak berlaku adil dalam setiap pilihan raya selama ini.

"Tuntutan serta perhimpunan itu sebenarnya bukan untuk 'membersihkan' pilihan raya, tapi adalah seran-

gan terhadap kerajaan bagi mempengaruhi rakyat serta memberitahu orang luar bahawa kerajaan tidak telus dan teruk.

"Kalau benar pilihan raya kita teruk, maka pembangkang pasti tidak akan menang banyak kerusi dan juga Barisan Nasional (BN) tidak akan kehilangan negeri dan pastinya kita sudah merampas kembali Kelantan lama dulu," katanya pada Forum Generasi Muda di sini, semalam.

Forum tiga hari anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) itu mengumpulkan 200 belia pelbagai

peringkat dan jawatan untuk memperkasa sifat kepimpinan mereka.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, serangan itu termasuk tindakan yang akan diambil polis bagi mengekalkan keamanan serta ketenteraman awam, kemudian akan dimanipulasikan untuk memberi kelebihan kepada pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

"Konsepnya mudah, ini bukan pasal pilihan raya bersih atau tidak, tapi 'awak calitkan cat hitam kepada kerajaan kemudian awak akan kelihatan lebih putih walaupun sebenarnya awak kelabu'... jadi awak menang," katanya.